

27/01/2002

Asas pendidikan harus seimbang

Azran Jaafar

KENYATAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa ada taman didikan kanak-kanak yang menyemai anak-anak supaya membenci pemimpin dan kerajaan menimbulkan pelbagai persoalan. Kenapa perlu kain yang putih ini dicorak sedemikian rupa sedangkan yang seharusnya dilakukan ialah membiarkan minda kanak-kanak itu berkembang mengikut potensi masing-masing. Soalnya, perlukah sukatan pelajaran prasekolah dipinda dan diubah suai? Wartawan Berita Minggu, AZRAN JAFFAR menemui tokoh pendidik, Puan Sri Dr Fatimah Hamid Don bagi mendengar pandangannya mengenai pendidikan kanak-kanak pada peringkat prasekolah dan kaedah sewajarnya yang harus dilaksanakan supaya kanak-kanak dapat membesar sebagai manusia yang berfikiran matang.

SEBAGAI orang yang lama terbabit dalam bidang pendidikan, Puan Sri pasti boleh menerangkan mengenai pengisian pendidikan untuk kanak-kanak pada peringkat prasekolah dalam Tadika, Tabika dan Taski. Apakah yang sepatutnya mereka pelajari pada tahap ini?

Peringkat asas adalah untuk bermain dan bergaul supaya mereka tahu berinteraksi antara satu sama lain atau dengan mereka yang lebih tua (ibu bapa, saudara-mara dan guru). Gaya bercakap juga penting. Kita mahu mereka bercakap dengan betul. Berbual dengan cara normal supaya mereka dapat menguasai bahasa dengan baik. Juga untuk mereka menguasai pergerakan otot (fizikal) mereka.

Interaksi itu juga kita maksudkan sebagai emosi dan satu lagi yang perlu ditekankan ialah daya fikir secara mudah. Apa yang betul, apa yang salah. Fikir yang senang-senang. Belum lagi kepada persoalan iman dan takwa kerana itu pemikiran pada peringkat yang tinggi. Penerapan kepada persoalan sebegini juga perlu dilakukan dengan cara mudah.

Saya berpendapat, bagi kanak-kanak pendidikan yang sesuai adalah yang selaras dengan pemahaman dan keupayaan mereka sebagai kanak-kanak. Pepatah Melayu ada berkata, melentur buluh biarlah daripada rebungnya, tetapi biarlah rebung itu besar sedikit, jangan baru nak naik dah dilentur, susahlah.

Ungkapan Melayu itu juga janganlah divedok sepenuhnya. Asasnya mesti tegap, sihat dan subur. Kalau tak subur nak lentur macam mana? Kalau benda tu dah tegak cantik, tak payah lentur pun tak apa. Biarlah dia naik secara semula jadi, kerana kalau orang nak buat raga, cari buluh yang tegak... nak buat lemas cari buluh yang tegak juga.

Kanak-kanak mesti dididik dalam keadaan sihat dan semula jadi. Jangan tekankan prasangka dan kesempitan pemikiran kita sebagai seorang dewasa kepada kanak-kanak. Itu yang salah. Kalau kita ada prejudis jangan tekankan kepada kanak-kanak. Lagi satu, kita juga kena jaga keselamatan. Sama ada pada diri mereka, alam sekitar dan rakan.

Apakah pandangan Puan Sri mengenai sikap sesetengah pihak cuba menanamkan sikap dan pandangan tertentu terhadap kanak-kanak di bawah tahap kematangan mereka?

Kalau dengan tujuan baik memang kita galakkan. Tetapi kalau tujuan untuk mendedahkan pekung kita kepada mereka, cara itu salah. Jangan kita nak tebus dosa kita pada kanak-kanak. Sendiri buat sendiri tanggung. Anak kalau kita latih dia jadi alim tapi kita sendiri tak betul, tak boleh nak tebus (kesalahan kita) juga.

Ada sesetengah ibu bapa memilih tempat tertentu untuk anak bagi pendidikan awalnya. Itu sebenarnya keperluan ibu bapa, bukan anak. Jadi kita boleh nasihatkan kepada golongan sebegini, walau apa pun tujuannya

jangan jadikan anak sebagai mangsa.

Bukan mangsa... memeralatkan. Tak ada ibu bapa yang hendak me-mangsakan anak... tetapi diperalatkan. Barangkali bukan dengan secara sengaja (pre-meditated) tetapi dengan fahaman inilah cara yang baik.

Apa yang Tan Sri lihat jika seseorang kanak-kanak itu ditanam dengan satu perkara yang buruk. Apa kesannya kepada masyarakat itu nanti?

Itu payah nak kata. Kanak-kanak ni resilient. Walaupun mereka dari awal ditanam dengan perkara yang buruk, apabila dah besar mereka tahu memilih antara yang buruk dan baik. Kalau suasana tu baik mereka akan baik. Susah untuk kita ramalkan.

Tetapi kalau kanak-kanak (yang ditanam dengan satu pemikiran tertentu) itu berada dalam peringkat pengajian tinggi kita takut mereka menjadi fanatik, terlalu ekstrim.

Kita tak mahu begini. Ini pada peringkat yang lebih matang. Yang kita takutkan juga ialah pengaruh yang berada berdekatan mereka apabila mereka dewasa nanti.

Ada yang saya ketahui, seorang kanak-kanak masa kecil bukan main baik tapi apabila dah besar, dah lepas tanggungjawab ibu bapa, berubah... dapat kebebasan baru. Ini kerana pada zaman kanak-kanak tak dapat kebebasan. Nak bermain, nak lompat tak berpeluang... tapi apabila berpeluang untuk melompat mereka lompat lebih tinggi.

Jadi pada peringkat asas pendidikan kanak-kanak biar seimbang. Kalau dia melompat biar dia melompat tapi janganlah biar sampai dia patah kaki. Jangan kita halang, kerana apabila dah besar nanti dia terpesong... mudah terpesong sebab dahagakan kebebasan. Kanak-kanak ni banyak nalurinya... perasaan ingin tahu.

Ini adalah cabaran dan pendidikan prasekolah adalah sesuatu yang mencabar. Kerana segala-galanya dia nak tahu. Jadi kita kena salurkan dengan cara yang baik. Berpegang kepada satu saja juga tidak mencukupi. Falsafah pendidikan lebih luas. Apa yang banyak berlaku... falsafah ibu bapa yang cuba diserapkan kepada anak-anak. Jika diajar satu cara saja... ni yang kadang-kadang tempang.

Kita lihat jika pada peringkat prasekolah kanak-kanak didedahkan pada satu bentuk pandangan dan fahaman, tetapi apabila ke sekolah dengan kawan-kawan yang mempunyai pelbagai pandangan, mungkin mereka akan menghadapi proses ketidakserasian, melainkan jika meneruskan persekolahan di sekolah yang sama aliran.

Kemungkinan itu memang ada. Ketika kanak-kanak lain berperasaan tertentu dia pula akan berperasaan tertentu kerana terlepas daripada kongkongan dan jagaan tertentu. Tetapi itu yang saya katakan, kanak-kanak ini resilient, susah nak diramalkan. Kadang-kadang dia melawan balik... defence mechanism tu ada... kalau bertubi-tubi kita ajar, dia cuba belajar cakap bohong. Kita mesti faham keadaan mereka.

Apabila kecil mereka berada dalam kekurangan, apabila dah besar diberi peluang, dibuka pintu lebih luas, mereka berjaya.

Yang penting ialah penyesuaian emosi mereka sihat. Mereka tidak memberontak, tidak melawan orang. Kalau emosi yang nak melawan orang saja, itu yang susah. Ada ibu bapa yang sejak awal meletakkan harapan kepada anak.

Pada fikiran mereka ia adalah betul tetapi dari segi emosi anak itu kesilapan. Bagaimana kita hendak beritahu kepada ibu bapa bahawa jangan paksa anak lakukan 'begini-begini'.

Apa yang kita nak tahu ialah harapan mereka sebagai ibu bapa. Kalau anak dilatih dalam satu kepompong, kita tidak tahu sama ada kepompong itu boleh memberi segala persediaan, ini kerana ulat bulu akan membesar sebagai rama-rama dan bukan selama-lamanya hidup dalam kepompong.

Adakah Puan Sri melihat kanak-kanak yang diajar perkara yang tidak

sepatutnya. dalam erti kata lain, mereka dinafikan hak mereka sebagai kanak-kanak untuk berfikir dan mengembangkan potensi.

Memanglah kalau kita impose dan kenakan fahaman kolot kita terhadap mereka. Kita ada Convention on the Right of the Child yang mana Malaysia turut menandatangani yang mengakui hak kanak-kanak untuk mendapat pendidikan yang sebaik-sebaiknya, hak untuk mengembang potensi, hak berfikir. Kalau kita menyekat, kita menyekat hak kanak-kanak.

Tetapi kita terima di Malaysia, walaupun kanak-kanak mempunyai hak, mereka sepatutnya mendapat bimbingan orang dewasa kerana kanak-kanak belum boleh berfikir, maklumlah belum matang... belum berpengalaman. Orang dewasa pun dah berpengalaman, baru boleh berfikir.

Kita terpaksa memberi mereka pengalaman yang membolehkan mereka berfikir dengan cara yang baik. Pendidikan harus menjadi satu proses mengembang dan bukannya menyekat. Jika tidak itu yang dikatakan menyekat hak asasi kanak-kanak.

Sikap sesetengah daripada kita yang terus cuba menanamkan sesuatu pada pemikiran kanak-kanak, adakah kerana mereka tidak tahu hak kanak-kanak itu atau perasaan mendesak itu lebih kuat?

Itu betul juga... ramai ibu bapa yang tidak tahu hak kanak-kanak mengikut konvensyen berkenaan. Itu yang saya katakan ramai ibu bapa tak tahu hak kanak-kanak. Hak yang disebut itu adalah hak yang universal bukannya hak mengikut pengetahuan mereka.

Puan Sri pernah terbabit dalam Institut Sumber Kanak-Kanak Malaysia. Apakah fungsinya dan bagaimana ia dapat membantu mengarahkan satu pendidikan prasekolah yang berkesan?

Saya mengasaskannya dan ia bertujuan untuk memberi kefahaman kepada ibu bapa untuk tahu proses pendidikan kanak-kanak dan sebagai tempat untuk pelatih guru tadika berfikir dan bertukar pendapat bagaimana melatih kanak-kanak. Ini kerana kita tidak ada institusi khas mengenai keibubapaan.

Institut ini juga adalah untuk memberi peluang kepada mereka yang berminat untuk melihat contoh taman asuhan kanak-kanak. Tetapi saya tidak terbabit lagi.

Namun dalam kita memperkatakan mengenai soal taman didikan kanak-kanak ini ia adalah satu bidang yang kompetitif. Tidak ada pihak yang bersifat autoritatif yang dapat memberikan kepimpinan dalam kaedah pendidikan kanak-kanak. Masing-masing yang ada kepakaran membuka tadika berdasarkan kepakaran mereka sehingga pelbagai bentuk tadika ditubuhkan.

Bagi yang tidak mahu memandang kepada falsafah pendidikan kanak-kanak seperti yang diamalkan di Barat, buat cara sendiri. Tak ada yang autoritatif, sedangkan Kementerian Pendidikan hanya memberi garis panduan untuk kurikulum saja.

Pada pandangan Puan Sri, perlukah digubal satu akta berkaitan pentadbiran tadika supaya kanak-kanak mendapat pendidikan sewajarnya dan bukan berdasarkan apa yang diinginkan orang dewasa?

Dalam soal undang-undang ni susah sikit. Kita cuma hendak mengawasi apa yang berlaku di tadika. Kalau ada undang-undang ia adalah dari segi kawalan. Sesetengah tempat yang ada cuma taman asuhan, bukannya taman pendidikan.

Tadi Puan Sri katakan pengusaha taman didikan kanak-kanak mempunyai strategi sendiri dalam menarik ibu bapa mendaftarkan anak mereka. Adakah ini menyebabkan pemantauan sukar dilaksanakan walaupun ada akta mengenainya?

Ini secara komersial. Susah nak kawal. Yang kita nak sekat ialah tadika yang memberikan pendidikan yang tidak betul atau ibu bapa berasa was-was bahawa anak mereka diajar perkara yang terpesong.

Berbalik kepada soal pemantauan ini, ia sukar tetapi tak bermakna tak

boleh buat. Seperti tadika, ia adalah sebuah institusi awam, institusi masyarakat dan umum harus mengetahuinya. Janganlah ia dilaksanakan secara berselindung dan hanya sesetengah orang boleh menggunakan kemudahan yang ada yang mana mungkin boleh menimbulkan syak kepada kita mengenai tujuan penubuhannya.

Puan Sri juga pernah menjadi anggota World Curriculum and Instruction Council (WCCI). Apakah pandangan sejagat majlis ini terhadap pendidikan untuk kanak-kanak?

Majlis ini tidak memberi arahan tetapi hanya mengambil tahu amalan mengikut sistem yang ada di negara-negara dan apabila ada perjumpaan antara cendekiawan dalam bidang ini mereka bertukar fikiran bagaimana kita dapat mempertingkatkan keberkesanan dalam mendidik anak-anak.

(END)